

15/03/1999

MCA teruskan khidmat di Sabah

KUALA LUMPUR, Ahad - Kekalahan calon tunggal MCA pada pilihan raya negeri Sabah semalam, tidak menghalang MCA untuk terus berkhidmat di negeri itu, kata Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Beliau berkata, parti itu akan terus memberi perkhidmatannya untuk rakyat negeri berkenaan menerusi pemimpin di semua peringkat sama ada negeri atau kebangsaan.

"MCA akan memastikan pemimpin parti peringkat pusat akan terus mengadakan lawatan ke Sabah untuk membantu rakyat negeri itu," katanya kepada pemberita selepas memberikan taklimat pemilihan parti itu pada Julai ini di Wisma MCA di sini, hari ini.

Pada pilihan raya negeri itu semalam, calon MCA bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Api-Api, Datuk Chau Tet On, tewas kepada calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Dr Yee Moh Chai.

Menurut Dr Ting, walaupun parti itu 'kecewa sedikit' berikutan kekalahan calonnya di Api-Api, sebagai parti yang menyertai Barisan Nasional (BN), ia tetap gembira dengan kejayaan dalam pilihan raya negeri kali ini.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada BN, terutama BN Sabah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bekerja keras untuk memastikan kemenangan itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu juga menyifatkan tindakan pengundi Sabah memilih BN sebagai satu keputusan yang bijak.

"Keputusan ini melambangkan hasrat rakyat negeri itu untuk mengekalkan kestabilan dan keamanan. Rakyat Sabah juga mahukan pembangunan," katanya.

Dr Ting turut menyifatkan kemenangan BN sebagai 'undi keyakinan' terhadap kepemimpinan Perdana Menteri dan timbalannya.

Mengenai punca kekalahan calon MCA di Api-Api, beliau berkata: "Kita sudah mencuba sebaik mungkin, tetapi kalah juga dan kita hormati keputusan rakyat.

"Bagaimanapun kita akan mengadakan 'post mortem' untuk mengetahui punca kekalahan itu," katanya.

Sebelum itu, beliau juga menasihatkan ahli MCA supaya memilih barisan kepimpinan secara bijaksana apabila mengundi dalam pemilihan agung parti itu Julai ini.

Dr Ting berkata, setakat ini persediaan untuk pemilihan berkenaan sedang dijalankan dan semuanya berjalan lancar.

Pemilihan agung parti itu dijadual pada 17 Julai ini dan 2,192 perwakilan dari seluruh negara layak menentukan barisan kepimpinan parti.

Tarikh tutup penamaan calon bagi pemilihan jawatankuasa kerja pusat ialah jam 5 petang, 12 Julai.

Selain memilih jawatankuasa kerja pusat, perwakilan juga akan memilih jawatankuasa peringkat pemuda dan wanita sehari sebelum itu," katanya.

Taklimat itu dikendalikan Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA yang turut mengagihkan daftar pilih untuk cawangan dan bahagian MCA seluruh negara.

Dr Ting berkata, sebelum pemilihan peringkat pusat, 645,232 ahli MCA layak mengundi untuk pemilihan jawatankuasa kerja peringkat cawangan dan bahagian.

Jumlah yang mewakili 77.12 peratus daripada keseluruhan ahli MCA itu layak mengundi berdasarkan mereka sudah menjelaskan yuran tahunan parti sehingga akhir tahun lalu.

(END)